Rajah 1.3, merupakan konsep pengurusan hubungan usaha sama bagi Model Usaha Sama Strategik Lendrum yang terdiri daripada dua paksi. Antaranya ialah paksi horizon (Paksi X) bagi menjelaskan tahap hubungan / segmen usaha sama (pemboleh ubah bersandar) dan paksi vertikal (Paksi Y) tahap pencapaian hasil (*output*) amalan usaha sama bagi setiap tahap hubungan yang dilakukan.


Rajah 1.3 : Model Usaha Sama Strategik – Lendrum, 2003.



Sumber : Lendrum, 2003.

Rajah 1.4, dan Jadual 1.4, lanjutan Model Usaha Sama Strategik – Lendrum (2003). Dimana rajah berkenaan menjelaskan secara umum berkenaan sifat-sifat bagi setiap segmen dan 12 faktor pendorong bagi pembangunan usaha sama yang berkesan.

Rajah 1.4 : Justifikasi Sifat-sifat Segmen Usaha Sama



Sumber : Lendrum, 2003.

Jadual 1.4 : Karektor Segmen Usaha Sama –Lendrum, 2003.

Segmen	Karektor
Tiada hubungan	<ul style="list-style-type: none"> • Segmen hubungan yang tidak melibatkan sebarang usaha sama dengan mana-mana pembekal dan pesaing. Ia melibatkan <i>loyalty</i> yang teramat rendah kepada pelanggan.
Vendor	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan segmen hubungan yang melibatkan skala perusahaan dan industri-industri asas. Di mana hubungan dijalankan berasaskan pembidaan dan kontrak bagi tempoh-tempoh tertentu. • Aspek harga amat penting di mana firma yang membida dengan harga tinggi dan dianggap menguntungkan hubungan usaha sama akan dijalinkan. • Hubungan dalaman adalah penting di mana bersifat hierarki dan keputusan adalah mutlak di tangan pengurusan. • Hubungan luaran tidak nyata di mana amat bergantung kepada pembidaan. • Aspek inovasi dan kualiti tidak diambil kira dalam segmen ini.

Pembekal	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan segmen hubungan kedua yang melibatkan hubungan luaran dan dalaman yang seimbang. • Hubungan dalaman dipantau di mana mengambil kira kepentingan sumber manusia dan hubungan luaran yang tinggi. • Hubungan luaran dibangunkan dengan mementingkan aspek penyampaian kepada pelanggan yang tepat pada waktunya. • Aspek perbezaan produk dan perkhidmatan, kualiti dan inovasi merupakan aspek utama firma bagi menjalinkan usaha sama dengan pembekal atau pesaing yang lain. • Hubungan ini juga masih berlandaskan pembidaan dan perjanjian kontrak yang memacu kepada pembangunan usaha sama. • Perjanjian kontrak menjadi nadi hubungan yang menekankan aspek penawaran harga terendah.
Rakan Usaha Sama	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan segmen hubungan ketiga yang melibatkan hubungan luaran dan dalaman yang cemerlang. • Dimana ia melibatkan usaha sama yang berkualiti, berterusan, bergantung dan jelas yang melibatkan pembekal, pesaing dan pelanggan. • Hubungan ini melibatkan perkongsian strategi, visi dan misi dan penyampaian informasi dengan komunikasi yang terbuka yang bertujuan jelas untuk membangunkan produk yang berkualiti dan menepati kehendak pelanggan. • Pemuan dan rekacipta merupakan agenda utama dalam inovasi produk dan perkhidmatan firma yang berlaku secara berterusan. • Piagam usaha sama firma menjadi nadi kepada pembangunan firma dan menjadi elemen utama. • Rancangan perniagaan menjadi dokumen rasmi yang mempunyai penyelarasan visi dan strategi yang mempertimbangkan kehendak dan keperluan setiap rakan usaha sama. • Hubungan yang mengekalkan kemampanan faedah bertanding yang amat tinggi dan menguntungkan kedua-dua pihak.

Sumber : Lendrum, 2003.


Bersesuaian dengan konteks kajian, Lendrum (2003) menggunakan konotasi *entertainment and leisure*, bagi menjelaskan hubungan usaha sama dalam sektor pelancongan. Beliau menjelaskan, hubungan usaha sama dalam sektor pelancongan adalah perlu berada di dalam segmen rakan usaha sama dengan tahap hubungan *community* (tahap 10).

Lendrum (2003) mengenal pasti usaha sama terbentuk dengan lima prinsip utama yang dinyatakan dalam Paksi X sebagai kerangka bentuk dan tahap hubungan dalam usaha sama. (rujuk **Rajah 1.5**), antaranya :-

- i. Budaya;
- ii. Strategi ;
- iii. Struktur;

- iv. Proses; dan
- v. Sumber Manusia.

Rajah 1.5 : Justifikasi Lima Prinsip Utama Paksi X .



Sumber : Lendrum, 2003.

Manakala bagi Paksi Y amalan usaha sama dalam perlu mencapai ke semua hasil (*out-put*) amalan usaha sama yang dijelaskan dalam model ini, iaitu:-

- i. **Kepuasan pelanggan** – merupakan prinsip utama bagi semua perniagaan dan juga usaha sama. Kepuasan pelanggan merujuk kepada amalan usaha sama dalam meningkatkan penyampaian barangan dan perkhidmatan kepada pelanggannya yang terdiri daripada pelanggan dalaman (pekerja) dan pelanggan luaran (pembeli).

- ii. **Inovasi** – merujuk kepada penghasilan reka bentuk bagi memberi nilai tambah kepada produk dan perkhidmatan sedia ada. Aspek ini terbahagi kepada dua jenis iaitu [a] amalan mereka cipta yang berterusan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produk sedia ada, dan [b] kerja-kerja strategik untuk menghasilkan operasi perniagaan baru dan tidak mempunyai perkaitan dengan aktiviti sedia ada.
- iii. **Kemampanan faedah bertanding** - merujuk kepada amalan usaha sama dalam memberi perbezaan (*differentiation*) firma dengan pesaing; dan memberi nilai tambah kepada produk sedia ada. Ia melibatkan amalan mengekalkan nilai kualiti dan harga barangan kepada pelanggan; di mana harga yang ditawarkan lebih rendah daripada kos pengeluaran, pesaing dan diluar jangkauan pelanggan. Elemen ini amat penting bagi mengekalkan tahap hubungan usaha sama berkenaan dalam tempoh jangka panjang.
- iv. **Amalan terbaik** - merujuk kepada amalan usaha sama yang mewujudkan tanda aras (*benchmarking*) kepada firma berkenaan untuk bersedia bersaing di peringkat pasaran global dan mengukuhkan kestabilan produk dalam pasaran. Tanda aras ini dibentuk daripada persekitaran operasi usaha sama yang fokus mengeluarkan produk yang mempunyai kemampanan faedah bertanding, berkualiti dan inovatif.
- v. **Kekukuhan kewangan** – merujuk kepada pengurusan kewangan firma yang lebih stabil daripada impak mendapatkan produk dan perkhidmatan dengan harga yang murah dan mempunyai kestabilan pasaran. Aspek ini juga merujuk kepada penjanaaan peluang-peluang pekerjaan yang berterusan dan memberi impak kepada peningkatan kualiti hidup masyarakat.
- vi. **Atitud** - merujuk kepada peningkatan amalan firma yang saling bergantung antara satu sama lain, komited dengan strategik yang dipersetujui bersama dan peningkatan kemahiran kepada firma atau rakan usaha sama. Aspek ini amat memerlukan nilai kepimpinan, kepercayaan, komunikasi yang baik dan ooperasi perkerjaan yang mempunyai ketelusan antara pengurusan dan pekerja, begitu juga firma dengan pelanggan, pembekal dan pesaing.

1.6 Situasi Masalah

Di Malaysia pembangunan pelancongan desa semakin berkembang sejak 20 tahun lepas melalui pembangunan program-program *homestay*. Dalam konteks negara ini, pelancongan desa merujuk kepada pembangunan program-program *homestay* di kampung-kampung berjaya di seluruh Malaysia. Iaitu program yang didefinisikan oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan sebagai “...*where tourist sta ywith the host’s family and experience the everyday way of life of the family in both a direct and indirect manner.*” (1995).

Kejayaan pembangunan program *homestay* di kampung-kampung terpilih ini, telah dianggap sebagai mekanisme terbaik untuk membawa transformasi kepada sosio-ekonomi penduduk desa negara ini. Sehingga tahun 2004, penduduk tempatan yang menyertai program ini mencapai seramai 948 orang berbanding hanya 286 orang pada tahun 1997 (Amran Hamzah, 2004). Inisiatif agensi-agensi sektor pertanian seperti Jabatan Pertanian, FELDA, FELCRA, RISDA dan Peladang memangkinkan lagi pertumbuhan *homestay* baru dewasa ini.

Pada masa yang sama pertumbuhan operator pelancongan yang berterusan, program-program *homestay* ini dianggap sebagai ‘aset’ baru yang boleh menjana pulangan yang lumayan kepada firma-firma berkenaan. Maka inisiatif yang dijalankan oleh agensi-agensi dalam sektor pertanian mendapat reaksi positif daripada firma-firma operator pelancongan.

Jadual 1.5 menjelaskan beberapa senario usaha sama yang diamalkan dalam negara ini. Namun senario kedua merupakan senario yang sering digunakan bagi memperkenalkan pelancongan dalam kawasan desa dalam negara ini.

Berdasarkan senario ini, amalan usaha sama yang dijalankan dalam pembangunan pelancongan desa di negara ini seperti berikut; [a] bermula dari agensi kerajaan sebagai pihak yang memberi insentif pembangunan, [b] penduduk tempatan sebagai pelaksana agenda pembangunan pelancongan dan [c] operator pelancongan sebagai rakan kongsi yang melaksanakan dari aspek pemasaran.

Inisiatif kerajaan dalam membangunkan program *homestay* sebagai produk pelancongan desa adalah satu pendekatan yang baik dalam memberi nilai tambah kepada aktiviti ekonomi tradisional tempatan. Namun tahap pencapaian sehingga kini, perubahan hanya berlaku dari aspek kuantiti program tetapi dari aspek kualiti program *homestay* tidak jauh berbeza.

Oleh itu, kajian ini menilai tahap kesediaan pelaku-pelaku pelancongan desa negara ini dalam melaksanakan usaha sama pelancongan . Melalui kajian ini, dapat memberi gambaran secara umum berkenaan keupayaan amalan usaha sama, dan pendekatan yang sesuai untuk mengatasi masalah berkenaan.

Berdasarkan situasi di atas, kajian ini mengambil peluang untuk menilai amalan usaha sama yang telah diamalkan sejak 20 tahun lepas dalam konteks destinasi pelancongan desa kompetitif. Melalui kajian ini, dapat memberi gambaran tahap amalan pada masa kini dan jurangnya dalam mencapai pembangunan pelancongan desa kompetitif.

Jadual 1.5 : Senario Usaha sama Pelancongan Desa di Malaysia

Senario	Perkongsian	Contoh Program
Pertama – tempoh pembangunan awal program homestay di Malaysia	<p>Penduduk tempatan membangunkan program homestay melalui program pertukaran pelajar.</p> <p>Operator pelancongan tempatan dibentuk sebagai agen pemasaran dan pembangunan pelancongan desa di kawasan desa.</p> <p>Pihak berkuasa tempatan menyalurkan dana dan infrastruktur di destinasi pelancongan berkenaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Program Homestay Kg. Desa Murni, Temerloh, Pahang.
Kedua – tempoh pembangunan setelah program homestay diambil serius oleh Kementerian Pelancongan.	<p>Agensi pertanian/pelancongan mengesyorkan pembangunan program homestay di petempatan desa terpilih.</p> <p>Penduduk tempatan melalui jawatankuasa khusus membangunkan program homestay dan produk-produk pelancongan desa.</p> <p>Operator pelancongan luar sebagai agen pemasaran pelancongan desa dengan membuat perjanjian dengan penduduk tempatan.</p> <p>Pihak berkuasa tempatan menyalurkan dana dan infrastruktur di destinasi pelancongan berkenaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Program Homestay Kg. Tg. Piai, Johor. • Program Homestay Kg. Sarang Buaya, Johor. • Program Homestay Kg. Sinaran Baru, Johor. • Program Homestay Kg. Sri Gunung Pulau, Johor. • Program Homestay Kg. Perigi Acheh., Johor • Program Homestay Felda Semenchu, Johor. • Program Homestay Laman Bangkinang, Negeri Sembilan • Program Homestay Kg. Pelegong, Negeri Sembilan • Program Homestay Felda Serting Hilir, Negeri Sembilan. • Program Homestay Kampung Lonek, Negeri Sembilan. • Program Homestay Kg. Lonek, Negeri Sembilan. • Program Homestay Kg. Banghuris, Selangor. • Program Homestay Bukit Gantang, Perak. • Program Homestay Kg. Relau, Kedah.
Ketiga – pada masa kini.	<p>Operator pelancongan luar bertindak sebagai 'pemaju' pelancongan desa total dengan melibatkan inisiatif memperkenalkan produk pelancongan, pemasaran dan pembangunan sumber manusia dikawasan desa yang dianggap berpotensi dibangunkan sebagai agensi pembangunan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Program Homestay Kg. Paya Luas, Pahang.

Sumber : Norazmi Abdul Rahim(1997), Norlia Isnin (1997), Teng Leong Hock (1998), Elvi Susantai Lahmuiddin (1998), Muhammad Sujab Abu Hassan (2001), Mohd Azmir Lokman (2001), Amran Hamzah dan Hairul Nizam (2004), Fazliana Fazin (2005), Desa Tourland (2005)) Kajian Tourism, Pelan Tindakan Pelancongan Desa Kawasan Bukit Gantang (2005), Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan(2005), Jabatan Pertanian Negeri Johor (2006).

1.7 Persoalan Kajian

Berdasarkan pemahaman teori awal dan situasi masalah, antara persoalan kajian ini adalah seperti di bawah :-.

- i. Apakah bentuk amalan usaha sama pelancongan yang dilaksanakan ?
- ii. Bagaimanakah tahap kualiti hubungan amalan usaha sama yang dilaksanakan ?
- iii. Adakah amalan usaha sama yang dilaksanakan mencapai pembangunan pelancongan desa kompetitif ?
- iv. Apakah limitasi amalan usaha sama yang dijalankan mencapai pembangunan pelancongan desa kompetitif ?

1.8 Matlamat dan Objektif Kajian

1.8.1 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini ialah “Ke arah pembentukan amalan usaha sama kompetitif dalam pelancongan desa”.

1.8.2 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini ialah :-

- i. Memahami dan memerincikan faktor-faktor utama amalan usaha sama bagi pembangunan pelancongan desa kompetitif.
- ii. Menilai dan membandingkan amalan usaha sama kompetitif dengan amalan dalam negara ini.
- iii. Merumuskan senario, pencapaian dan limitasi amalan usaha sama kompetitif dalam pelancongan desa.

1.9 Kepentingan Kajian


Antara kepentingan kajian ini ialah :-

- i. Hasil kajian ini, dapat memberi gambaran berkenaan senario amalan usaha sama dalam pembangunan pelancongan desa dalam negara ini. Kajian ini turut menjadi petunjuk kepada kesediaan dan limitasi pelaku-pelaku pelancongan desa untuk melaksanakan usaha sama berkenaan.
- ii. Kajian ini, dapat memberi input penambahbaikan dan pengembangan amalan usaha sama yang ideal dalam perancangan pelancongan desa di peringkat pelan strategik dan pelan tindakan.

1.10 Kesimpulan

Daripada pemahaman teoritikal awal dan situasi masalah, kajian ini merupakan kajian empirik untuk mengaplikasikan model Model Usaha Sama Strategik – Lendrum, 2003 dalam mengukur tahap pencapaian amalan usaha sama pelancongan desa dalam negara ini. Bersesuaian dengan tempoh kajian, kajian ini hanya fokus dalam menilai tahap hubungan usaha sama dalam konteks perkongsian strategi bagi mewakili Paksi X dan, dari perspektif prinsip faedah bertanding mampan bagi Paksi Y. Melalui kajian ini, secara tidak langsung amalan usaha sama yang dilaksanakan sejak awal 1980-an dapat dipantau dan diperbaiki untuk memastikan konteks pelancongan desa kompetitif dapat dicapai. **Rajah 1.6**, menjelaskan fokus dan struktur kajian ini.

Rajah 1.6 : Struktur Kajian



Sumber : Kajian Usaha Sama Pelancongan Desa, 2006

1.10.1 Struktur Laporan Penyelidikan

Daripada **Rajah 1.5**, struktur pembentangan laporan penyelidikan ini adalah mengikut perkara-perkara susunan perkara-perkara seperti di bawah dan dijelaskan dalam **Rajah 1.7**. Antara struktur laporan penyelidikan ini ialah :-

- i. **Kajian literatur** – yang akan menjelaskan penyesuaian Model Usaha Sama Strategik dalam konteks pelancongan desa dari perspektif perkongsiian strategi dan faedah bertanding dalam konteks pelancongan desa. Oleh itu, Model Faedah Bertanding Mampan – Evans, Campbell dan Stonehouse (2003) dijadikan rujukan teori utama untuk disesuaikan dalam konteks pelancongan secara umum. Perkara ini dijelaskan dalam **Bahagian 2.2**, **Bahagian 2.3**,

Bahagian 2.4 dan **Bahagian 2.5**. Dimana **Bahagian 2.2** dan **Bahagian 2.3** menjelaskan definisi konsep dan definisi operasional strategi dan faedah bertanding mampan dari perspektif Evans, Campbell dan Stonehouse. Manakala **Bahagian 2.4** akan menjelaskan prinsip- prinsip faedah bertanding mampan dan **Bahagian 2.5**, membincangkan peranan usaha sama dalam konteks faedah bertanding mampan.

Daripada pemahaman konsep faedah bertanding mampan dan usaha sama dalam konteks Model Evans, Campbell dan Stonehouse, kajian literatur dilanjutkan kepada pemahaman faedah bertanding mampan dan usaha sama dalam konteks pelancongan desa. Teori pembangunan pelancongan desa kompetitif oleh Roberts dan Hall (2003) digunakan dalam pemahaman berkenaan perkara ini dalam **Bahagian 2.6**. Selain memahami konsep faedah bertanding mampan dan usaha sama dalam pelancongan desa, bahagian ini akan menjelaskan dimensi-dimensi yang mempunyai signifikan untuk tujuan pengukuran.

Melalui pemahaman konsep faedah bertanding mampan dan usaha sama dalam konteks pelancongan desa ini, disesuaikan semula dengan Model Usaha Sama Strategik – Lendrum untuk tujuan penyesuaian untuk tujuan penghasilan kerangka literatur bagi tujuan penentuan dan pembentukan rekabentuk kajian. Rajah penyesuaian model ini dijelaskan dalam **Rajah 2.5**. Perkara ini dibincangkan dalam **Bahagian 2.7**.

- ii. **Reka Bentuk Penyelidikan** – bahagian yang akan menjelaskan rekabentuk kajian, instrumen analisis dan sintesis, instrumen pengumpulan maklumat dan kawasan kajian. Penemuan literatur di **Bahagian 4.7**, digunakan sebagai asas untuk menentukan reka bentuk penyelidikan. Pendekatan analisis yang dibangunkan oleh Lendrum (2003) dalam menilai usaha sama antara firma digunakan dengan penyesuaian seperti yang dijelaskan dalam **Bahagian 3.2**.

Pendekatan kajian fokus kepada penilaian tahap pencapaian usaha sama mengikut bentuk-bentuk usaha sama pelancongan desa iaitu *public-private*

partnerships dan *cooperative networks* yang dijelaskan dalam **Bahagian 3.3**. Instrumen analisis dan sintesis menjelaskan justifikasi yang elemen-elemen analisis iaitu *value statement*, *delivery statement* dan *value statement* yang dijelaskan dalam **Bahagian 3.4**, menjelasakn secara terperinci pembangunan formula dan teknik yang digunakan dalam kajian ini iatu skor pemberat.


Manakala kajian kes untuk kajian ini ialah Program Homestay Tanjung Piai, yang bertujuan untuk menilai tahap usaha sam bagi program-program *homestay* terawal di dalam negara ini yang dijelaskan dalam **Bahagian 3.5**. Manakala **Bahagian 3.6** akan menjelaskan populasi dan sample bagi kajian ini dan **Bahagian 3.7**, menjelaskan instrumen pengumpulan maklumat yang digunakan dalam kajian ini.

- iii. **Analisis dan Sintesis** – bahagian yang akan menjelaskan penemuan-penemuan kajian ini yang fokus kepada empat persoalan kajian yang dinyatakan dalam **Bahagian 1.7**. Di mana perbincangan bahagian ini menjelaskan bentuk usaha sama dalam konteks kajian kes yang disesuaikan dari penemuan **Bahagian 2.7** yang dbentangkan dalam **Bahagian 4.2**. Manakala **Bahagian 4.3**, akan menjelaskan penemuan berkenaan tahap dimensi ukuran yang digunakan dalam ujikaji yang merupakan faktor kepada tahap bentuk usaha sama secara keseluruhan.

Manakala **Bahagian 4.4**, merupakan sintesis kepada tahap pencapaian usaha sama yang diamalkan dalam kajian kes dengan teori pembangunan pelancongan desa kompetitif Roberts dan Hall (2003) yang dijelaskan dalam **Bahagian 2.6**. Manakala **Bahagian 4.5**, merupakan sintesis berkenaan limitasi amalan usaha sama pelancongan desa yang diamalkan dalam kajian kes, di mana berdasarkan kepada analisis yang dijalankan dalam **Bahagian 4.2** dan **Bahagian 4.3**.

- iv. **Rumusan Kajian** – bahagian terakhir dalam laporan penyelidikan ini . Iaitu bahagian yang akan menjelaskan rumusan penemuan kajian literatur seperti dalam Bab 2 di dalam **Bahagian 5.2**, dan rumusan penemuan analisis dan sintesis yang dijelaskan dalam Bab 3 di dalam **Bahagian 5.3**. Dari rumusan ini, penyelidikan merumuskan implikasi kajian dalam perancangan pelancongan yang dijelaskan dalam **Bahagian 5.4**, dan **Bahagian 5.5** akan menjelaskan cabaran-cabaran dalam membangunkan usaha sama pelancongan desa dalam konteks faedah bertanding.

Rajah 1.7 : Struktur Kandungan Laporan Penyelidikan



Sumber : Kajian Usaha Sama Pelancongan Desa, 2006.

homestay yang dibangunkan berdasarkan tujuan dan kepentingan dari pihak operator pelancongan.

iii. Kajian perkaitan menggunakan teknik yang lebih saintifik untuk mengukur perkaitan antara prinsip Paksi X dan Paksi Y.

Kajian perkaitan yang menggunakan teknik yang lebih saintifik amat diperlukan untuk mengukur tahap perkaitan korelasi antara prinsip Paksi X dan Prinsip Paksi Y. Ini kerana kajian ini hanya terhad kepada penggunaan kaedah skor pemberat. Seperti yang telah dijelaskan, kaedah hanya mampu untuk melihat tahap pencapaian secara umum yang perlu disokong dengan justifikasi kualitatif. Kajian perkaitan korelasi diperlukan untuk mengenal pasti dimensi-dimensi yang paling signifikan dalam pembangunan pelancongan desa yang mencapai faedah bertanding mampan.

RUJUKAN

- Amran Hamzah (2002). *A Tale of Three Kampung : A Case Study Of The Homestay Programme At Kampung Banghuris*, Sepang, Malaysia. Conference Proceedings Tourism In Asia : Development, Marketing & Sustainability, The Fifth Biennial Conference, Miramar Hotel, Hong Kong SAR. 32-25 May 2002 : 180 – 190.
- Amran Hamzah (2004). *The Evolution Of The Homestay Programme In Malaysia : Performance, Sustainability And Challenges*. Country Paper presented of the ASEAN Homestay Conferences. Organise by the Ministry of Tourism Malaysia, The Marriott Hotel, Putrajaya 28-30 September 2004.
- Appelstrand M (____). "*Public Participation and Collaboration*". Contribution to COST-Action E19 "National Forest Programme in a European Context" Lund University, Institute of Sociology of Law, Sweden.
- Araujo, Lindemberg Medeiros De and Bramwell B. (2002), Partnership And Regional Tourism In Brazil, *Annals Of Tourism Research*, Vol. 29, No. 4, : 1138–1164.
- Augustyn Marcjanna M. and Knowles T. (2000). Performance Of Tourism Partnerships: A Focus On York. *Tourism Management*. 21 : 341 -351.
- Babbie, E. R. (2002). *The Basic of Social Research*. Wadsworth Thomson Learning.
- Baker L. Therese. (1998). *Doing Social Research*. Mc-Graw Hill College.
- Barne, A. James. (2000). *Law for Business*, McGraw-Hill Higher Education.
- Barney, J.B (2002). *Gaining and Sustaining Competitive Advantage*. Prentice hall.
- Bramwell, B. dan Lane, B. eds (2000). *Tourism Collaboration and Partnership : Politics, Practice and Sustainability*. Channel View Publications.
- Briedenhann J. and Wickens E. (2004), Tourism Routes As A Tool For The Economic Development Of Rural Areas—Vibrant Hope Or Impossible Dream?, *Tourism Management* 25 : 71–79.
- Buhalis, D. (2000). Marketing The Competitive Destination Of The Future, *Tourism Management* 21: 97-116.
- Charter For Sustainable Tourism* , World Conference on Sustainable Tourism, meeting in Lanzarote, Canary Islands, Spain, on 27-28 April 1995. (*unpublished*).

- Chris Ryan (2002), Equity, Management, Power Sharing And Sustainability - Issues Of The 'New Tourism'. *Tourism Management* 23 : 17-26.
- Department of Economic and Social Affairs (1999), *Tourism And Sustainable Development- Sustainable Tourism: A Non-Governmental Organization Perspective*. Commission on Sustainable Development Seventh Session 19-30 April 1999, New York.
- Dredge, D. (2004), Policy Networks And The Local Organisation Of Tourism'. *Tourism Management* 10: 1-12.
- Dwyer L and Kim C. (2003), Destination Competitiveness: Determinants and Indicators, *Current Issues in Tourism* Vol. 6, No 5 : 369 -414.
- Elvi Susanti Drs.Lahmuddin Yusuf (1999), *Konsep Usaha Sama Dalam Perancangan dan Pengurusan Program Pelancongan Homestay di Banghuris*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.
- Evans N., Cambell D., dan Stonehouse G., (2003), *Strategic Management for Travel and Tourism*. Butterworth-Heinemann.
- Fazliana Fazin (2005); *Penilaian Pengalaman Dana Tahap Puas Hati Pelancong Terhadap Program Homestay Kajian Kes : Kg. Desa Murni, Temerloh, Pahang*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Perancangan Bandar dan Wilayah,
- Fleischer A and Felsenstein D. (2000), Support For Rural Tourism - Does It Make A Difference?, *Annals of Tourism Research*, Vol. 27, No. 4, pp. 1007-1024.
- Ford et.al (2003), *Managing Business Relationships - Second Edition*. John Wiley & Sons.
- Greer J. (2001). Developing Trans-Jurisdictional Tourism Partnerships- Insight From The Island of Ireland, *Tourism Management* 23 : 355-366.
- Hall, M.C (1999). *Tourism Planning : Policies, Process and Relationships*. Pearson Education Limited.
- Hall, M.C (1999). Rethinking Collaboration and Partnership: A Public Policy Perspective. *Journal Of Sustainable Tourism* , Vol. 7, Nos 3 & 4.: 274 -289.
- Hinkle., Wiersma., dan Jurs.,(2003). *Applied Statistics – For The Behavioral Sciences, (fifth edition)*. Houghton Mifflin.

- Jackson, Julie. (2005). Developing Regional Tourism In China : The Potential For Activating Business Clusters In A Socialist Market Economy, *Tourism Management* 2 : 1 – 12.
- Jamieson, Walter dan Alix Noble. (2000), "A Manual for Sustainable Tourism Destination Management". CUC-UEM Project, AIT.
- Lendrum, Tony (2003), *The Strategic Partnering Handbook – The Practitioners' Guide To Partnerships and Alliances*, The Mc-Graw Hill Company.
- Mac Donald R.and Jolliffe L. (2003). Cultural Rural Tourism - Evidence from Canada, *Annals of Tourism Research*, Vol. 30, No. 2, pp. 307–322, 2003
- Malaysia (2001). *Rural Tourism Master Plan*. The Main Report. Vol.1
- Mike Robinson (1999).Collaboration and Cultural Consent: Refocusing Sustainable Tourism. *Journal Of Sustainable Tourism Vol. 7, Nos 3&4 : 379-397*.
- Mohd Azmir Lokman (2001). *Penilaian Terhadap Program Homestay di Kg, Desa Murni, Temerloh, Pahang*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.
- Mohd Shamsul Abdullah (2002). *Potensi Kampung Contoh Sebagai Homestay Untuk Tarikan Pelancongan Di Kawasan Luar Bandar, Kajian Kes : Kampung Sawah Ring, Grik Muar*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.
- Mohd Sujab Abu Hassan (2002). *Kesesuaian Petempatan Felda Untuk Dilaksanakan Program Homestay, Kajian Kes : Felda Semenchu, Daerah Kota Tinggi*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.
- Norazmi Abdul Rahim (1997). *Citarasa Pelancongan Terhadap Kemudahan Penginapan Homoestay, Kajian Kes : Progam Homestay Tanjung Piai, Mukim Serkat, Pontian, Johor Darul Ta'zim*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.
- Norlia Isnin (2002). *Pengurusan Homestay Sebagai Kemudahan Penginapan Sektor Pelancongan Luar Bandar, Kajian Kes : Kampung Sarang Buaya, Muar dan Kampung Tanjung Piai, Pontian*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.

- Principles on Implementation of Sustainable Tourism*, UNEP- Production And Consumption Branch. (*unpublished*).
- Reed M.G. (1999), Collaborative Tourism Planning as Adaptive Experiments in Emergent Tourism Settings. *Journal Of Sustainable Tourism Vol. 7, Nos 3 & 4* : 331 – 355.
- Reid D.G., Mair H., and George W. (2004). Community Tourism Planning - A Self-Assessment Instrument, *Annals of Tourism Research, Vol. 31, No. 3* : pp. 623–639.
- Ritchie J.R. Brent. Dan Crouch G.I. (2003). *The Competitive Destination : A Sustainable Tourism Perspective*.CABI Publishing.
- Roberts, L. dan Hall, D. (2001), *Rural Tourism and Recreation Principles To Practice*, CABI Publishing.
- Roberts L. and Simpson F. (1999). Developing Partnership Approaches to Tourism in Central and Eastern Europe. *Journal Of Sustainable Tourism Vol. 7, Nos 3 & 4* : 314 -330.
- Roe D., Goodwin H. dan Ashley C (2002). *The Tourism Industry and Poverty Reduction:A Business Primer*, Pro-poor tourism briefing No 2.March 2002, UK Department for International Development (DFID)
- Robinson , M. dan Boniface, P. (2002), *Tourism and Cultural Conflicts*, CABI Publishing.
- Sautter T. Elise And Leisen B. (1999), Managing Stakeholders - A Tourism Planning Model , *Annals Of Tourism Research*, Vol. 26, No. 2, : 312 – 328.
- Scheyvens, R. (2002). *Tourism for Development ; Empowering Communities*, Pearson Education Asia Pte.Ltd.
- Selin S. (1999), Developing a Typology of Sustainable Tourism Partnerships, *Journal Of Sustainable Tourism, Vol. 7, Nos 3 & 4*: 260-273.
- Selin S. and Chavez D. (1995), Developing An Evolutionary Tourism Partnership Model, *Annals of Tourism Research*, Vol. 22, No. 4, : 844-856.
- Sharpley R. (2002), Rural Tourism And The Challenge Of Tourism Diversification: The Case Of Cyprus. *Tourism Management 23* : 233–244.
- Sharpley R. dan Telfer D.J. (2002), *Tourism and Development – Concepts and Issues*, Channel View Publications.

- Shaw G. dan Williams Allan.M (2004), *Tourism and Tourism Spaces*, SAGE Publications Ltd.
- Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk Penyelidikan – Falsafah, Teori dan Praktis*, Universiti Putra Malaysia.
- Simpson K.(2001). Strategic Planning and Community Involvement as Contributors to Sustainable Tourism Development. *Current Issues in Tourism Vol. 4, No.1, 2001*:3-41.
- Singh S., Timothy D.J., dan Dowling R.K., (2002), *Tourism In Destination Communities*, CABI Publishing.
- The Berlin Declaration On Biological Diversity And Sustainable Tourism*, International Conference Of Environment Ministers On Biodiversity And Tourism 6-8 March, 1997, Berlin. (*unpublished*).
- Timothy D.J. (1999). Cross-Border Partnership in Tourism Resource Management: International Parks along the US-Canada Border. *Journal Of Sustainable Tourism Vol. 7, Nos 3 & 4 : 182 -205*.
- Timothy D.J (1998), Cooperative Tourism Planning in a Developing Destination, *Journal Of Sustainable Tourism Vol. 6, No.1 : 52- 68*.
- Wearing S and McDonald M. (2002). The Development of Community-based Tourism: Re-thinking the Relationship Between Tour Operators and Development Agents as Itermediaries in Rural and Isolated Area Communities. *Journal Of Sustainable Tourism Vol. 10, No. 3, 2002 : 191 – 206*.
- Vernon J. Essex S. Pinder D. and Curry K. (2005), Collaborative Policy Making Local Sustainable Projects, *Annals of Tourism Research, Vol. 32, No. 2 : 325–345*.